



SG Digital

Kit Permulaan bagi aplikasi Singpass






singpass

TAHUKAH ANDA?

Sebagai identiti digital anda yang boleh dipercayai, aplikasi Singpass membolehkan anda membuktikan identiti anda dengan mudah apabila mengakses perkhidmatan dalam talian dan secara fizikal serta menyimpan maklumat penting anda.

LANGKAH 1 Muat turun aplikasi Singpass ke telefon bijak anda


Pergi ke **Apple App Store** , **Google Play Store**  atau **HUAWEI AppGallery**  muat turun aplikasi Singpass. Pastikan pemaju aplikasi adalah Government Technology Agency (Agensi Teknologi Pemerintah).

1. Bagi pengguna iOS, ketik "Get" untuk muat turun aplikasi.
2. Bagi pengguna Android atau Huawei, ketik "Install" untuk muat turun aplikasi.


LANGKAH 2 Persiapkan (hanya perlu dilakukan sekali sahaja)

Untuk mempersiapkan aplikasi Singpass, anda perlukan:

1. Sambungan Internet
2. ID dan kata laluan Singpass
3. Jika perlu, kod laluan 2FA (SMS OTP)



3. Semak butiran maklumat anda pada Sijil Pengesahan anda.




4. Sediakan kod laluan serta / atau aktifkan pengesahan cap jari / rupa muka.




5. Baca arahan cara mengakses perkhidmatan digital.

LANGKAH 3 Gunakan aplikasi Singpass untuk mengakses perkhidmatan


Log masuk ke perkhidmatan digital menggunakan Pintasan Log Masuk (Login Shortcuts)




6. Tatal ke bawah ke pintasan log masuk (login shortcuts) selepas melancarkan aplikasi Singpass.



7. Ketik perkhidmatan digital yang ingin anda akses.
Ketik "View all shortcuts" (Lihat semua pintasan) untuk melihat senarai penuh pintasan. Pintas terakhir yang anda gunakan dipaparkan untuk akses mudah!




8. Sahkan identiti dengan mengguna cap jari, rupa muka atau kod laluan.



9. Anda telah log masuk ke perkhidmatan di pelayar mudah alih anda!
Jangan lupa untuk log keluar daripada perkhidmatan digital selepas melakukan transaksi/urus niaga.

Buktikan identiti di kaunter



Kemukakan Kad Pengenalan Digital anda dalam aplikasi Singpass di kaunter pemerintah untuk perkhidmatan agensi secara fizikal (bersua muka)

Hubungi meja bantuan Singpass di +65 6335 3533 jika anda memerlukan bantuan

Petua keselamatan siber

- **Jangan** dedahkan maklumat log masuk anda kepada orang lain kerana ini boleh menyebabkan akaun dan maklumat peribadi anda diakses tanpa kebenaran.
- **Hanya** daftar cap jari atau data rupa muka anda di telefon bijak peribadi.
- **Sentiasa** log keluar dari perkhidmatan digital setelah selesai melakukan transaksi.